

**Salahuddin Berbeza Pendapat Tentang Kempen PAS
Bernama
14 Julai, 2013**

KUALA BESUT, 14 Julai (Bernama) -- Naib Presiden PAS Salahuddin Ayub berbeza pendapat berhubung pendekatan kempen parti yang menggunakan isu kononnya Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Said dan Menteri Pendidikan Kedua Datuk Seri Idris Jusoh tidak sehaluan dalam pilihan raya kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut.

Beliau berkata mengeksploitasi dakwaan wujud pergeseran Idris-Ahmad sebenarnya bukan strategi kempen parti itu dalam PRK itu.

"PAS tidak akan guna isu itu," katanya dalam sidang media di markas parti itu di Kampung Baharu di sini hari ini mengulas pendekatan penceramah PAS yang memainkan isu kononnya Ahmad dan Idris tidak sehaluan.

Kenyataan itu dilihat bertentangan dengan saranan Datuk Husam Musa selaku Pengarah Pilihan Raya PAS bagi pilihan raya kecil berkenaan yang sebelum ini meminta penyokong Idris supaya mengundi calon PAS bagi mengimbangi kuasa politik kem Menteri Besar.

Husam dilaporkan berkata kemenangan PAS di Kuala Besut secara tidak langsung merupakan kejayaan bagi pihak Idris yang juga bekas Menteri Besar Terengganu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=963131>